Axia turun harga hingga RM4,700

- **Hasil operasi lebih cekap**
- **Usaha berterusan kurangkan beban rakyat**

PETALING JAYA – Perodua semalam mengumumkan pengurangan harga bagi Axia, model kenderaan kompak paling mampu milik dan menjadi pilihan mobiliti utama di negara ini antara RM500 dan RM4,700 seunit, berkuat kuasa serta merta.

Pengurangan harga itu dibuat berikutan peningkatan berterusan dalam kecekapan operasi syarikat, selain usaha Perodua mengukuhkan komitmennya dalam membantu pelanggan menghadapi persekitaran ekonomi yang kian mencabar.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Perodua, Datuk Seri Zainal Abidin Ahmad berkata, harga baharu Axia adalah antara usaha berterusan syarikat untuk mengurangkan tekanan kos yang dihadapi rakyat.

"Langkah ini juga mencerminkan usaha kami untuk terus menambah baik kecekapan operasi, yang mana sebelum ini telah terbukti menerusi pengurangan kos servis dan pengurangan harga QV-E dan pakej Battery as a Service (BaaS) yang ditawarkan," katanya dalam kenyataan.



ZAINAL berterima kasih kepada pihak pembekal dan pengedar yang memungkinkan penawaran harga lebih baik bagi Axia.

Axia 1.0G yang sebelum ini dijual pada harga RM38,600 diturunkan sebanyak RM4,700 kepada RM33,900; Axia 1.0X RM40,000 diturunkan sebanyak RM1,500 kepada RM38,500; Axia 1.0SE asalnya berharga RM44,000 diturunkan RM1,000 kepada RM43,000; manakala Axia 1.0AV yang dijual pada harga RM49,500 diturunkan RM500 kepada RM49,000.

Sementara di Sabah & Sarawak, model Axia 1.0G yang dijual pada RM40,600 sebelum ini diturunkan harga sebanyak RM4,700 kepada RM35,900; Axia 1.0X RM42,000 diturunkan sebanyak RM1,500 kepada RM40,500; Axia 1.0SE diturunkan harga RM1,000 menjadi RM45,000 manakala Axia 1.0AV diturunkan harga sebanyak RM500 kepada RM51,500 berbanding RM51,000. Harga itu tidak termasuk kos insurans.

Zainal Abidin menjelaskan, kesemua spesifikasi dan standard kualiti Perodua Axia kekal tidak berubah dan penjimatan yang diperoleh adalah sepenuhnya daripada penambahbaikan proses dan kecekapan operasi.

"Pengurangan harga yang dibuat ini adalah hasil daripada inisiatif penambahbaikan yang berterusan dan mampan, serta kerjasama baik dengan pembekal dan rakan kongsi kami dalam ekosistem automotif.

"Kami berterima kasih kepada pembekal dan pengedar kami di atas kerjasama dalam menambah baik kecekapan kos untuk manfaat bersama bukan sahaja pemain industri, tetapi juga seluruh rakyat Malaysia.

"Harga baharu ini adalah antara usaha berterusan kami untuk mengurangkan tekanan kos yang dihadapi rakyat Malaysia," jelasnya.



SPESIFIKASI dan standard kenderaan yang ditawarkan kekal.

KAEN Properties sedia pengurusan pelaburan hartanah

PETALING JAYA – KAEN Properties baru-baru ini memperkenalkan penyelesaian pengurusan hartanah pelaburan yang membantu pelabur mengurus hartanah sewaan secara lebih sistematik, meningkatkan kecekapan penyewaan, mengurangkan beban pengurusan dan mengekalkan pulangan sewaan dalam jangka panjang.

Pengasasnya, Kason Khoo berkata, pelaburan hartanah sering dilihat sebagai salah satu instrumen untuk membina aset dan kekayaan jangka panjang. Namun, prestasi sesebuah hartanah pelaburan bukan hanya bergantung kepada pembelian aset, sebaliknya turut dipengaruhi oleh pengurusan selepas pembelian.

Menurut beliau, antara aspek penting termasuk penyediaan unit, pengubahsuaian, pemasaran sewaan, pemilihan penyewa, kutipan sewa, penyelenggaraan berkala serta pengurusan tempoh kekosongan.

"Ramai beranggapan tugas mereka selesai selepas membeli hartanah tetapi hakikatnya, cabaran sebenar bermula apabila pelabur perlu menyediakan unit untuk disewa, mendapatkan penyewa yang sesuai dan mengurus hartanah itu secara konsisten.

"Bagi memenuhi keperluan tersebut, KAEN Properties membangunkan sistem Pengurusan Pelaburan Hartanah yang merangkumi empat komponen utama iaitu pilihan projek, pelaburan pengubahsuaian, pelaksanaan sewaan dan juga pengurusan penyewa," katanya dalam kenyataan.

KAEN Properties turut menerima pengiktirafan daripada Malaysia Book of Records menerusi rekod 'Fastest Built-in Rental-ready Setup of a Condominium Unit' yang dicapai melalui Kensho Residence, Taman Desa apabila pasukannya berjaya menyiapkan sebuah unit kondominium sehingga mencapai keadaan sedia untuk disewa dalam tempoh tiga hari selepas kelulusan kerja diperoleh.

Kason berkata, pencapaian tersebut mencerminkan keupayaan pasukan dalam menyelaras proses penyediaan unit secara sistematik melalui perancangan awal, koordinasi kerja dan pengurusan projek yang lebih teratur.



KASON (dua dari kanan) menerima sijil pengiktirafan daripada Malaysia Book of Records baru-baru ini.

Bersandarkan pengalaman sebenar mengurus hartanah pelaburan dengan mengambil kira kebolehsewaan unit, permintaan pasaran, kawalan bajet pengubahsuaian, tempoh kekosongan serta kestabilan nilai sewa, maka wujudlah sistem baharu itu untuk meningkatkan daya saing syarikat.

Mengulas lanjut, bagi komponen pelaburan pengubahsuaian, KAEN Properties tidak menumpukan kepada reka bentuk mewah semata-mata, sebaliknya setiap pengubahsuaian dirancang berdasarkan fungsi ruang, ketahanan bahan, ruang penyimpanan, kos penyelenggaraan dan keselesaan penyewa.

"Matlamat pengubahsuaian hartanah pelaburan bukan untuk membelanjakan sebanyak mungkin, tetapi untuk memastikan unit lebih mudah disewa, lebih mudah diurus dan memenuhi keperluan penyewa," katanya.

Tambah beliau, pengurusan hartanah yang sistematik tidak semestinya meningkatkan kadar sewa secara langsung, namun boleh membantu melindungi pulangan pelaburan sebenar.

Antaranya melalui pengurangan tempoh kekosongan, proses saringan penyewa lebih teratur, penyelarasan kerja pembaikan lebih pantas, kawalan kos penyelenggaraan serta risiko tunggakan sewa lebih rendah.

Dalam pada itu, syarikat menyasarkan untuk memperkukuh sistem baharu itu dengan meluaskan rangkaiannya ke beberapa bandar pelaburan utama termasuk Johor.

Selain itu, KAEN Properties terus meningkatkan pendidikan pasaran supaya lebih ramai pelabur memahami bahawa kejayaan pelaburan hartanah bukan sekadar bergantung kepada lokasi dan pembelian aset.

Pengurusan hartanah pelaburan yang sistematik, penyediaan unit yang sesuai dan pengurusan penyewa yang teratur juga penting untuk mengurangkan tempoh kekosongan, mengekalkan kadar penghunian dan melindungi pulangan sewaan dalam jangka panjang.